

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

2 Ogos 2020

1. Pengusaha ladang ternakan boleh didenda, dipenjara
- cecair suntikan boleh sebab kanser
- 'Ada individu tawar khidmat '
2. Promosi sate, rendang arnab menu Aidiladha
3. Daging boleh cecah RM25 sekilogram

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 2 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	Berita Harian	Catatan:
Ruangan	Nasional	
M/Surat	14	
Perkara	Kebajikan Haiwan	

Suntikan hormon sebagai penggalak tumbesaran memang tidak dibenarkan sama sekali di Malaysia.

Dr Norlizan Mohd Noor, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar



Pengusaha ladang ternakan boleh didenda, dipenjarakan

Kuala Lumpur: Sebarang penggunaan suntikan hormon atau penggalak tumbesaran kepada haiwan ternakan bagi tujuan pengkomersialan adalah dilarang di Malaysia.

Pendekatan bagi tujuan mempercepatkan tumbesaran, demi mengaut keuntungan dalam jangka pendek itu, menyalahi peruntukan Akta Makanan Haiwan 2009 (Akta 698).

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Datuk Dr Norlizan Mohd Noor, ketika menjelaskan perkara itu, berkata hanya ubat-ubatan mendapat kelulusan dan berdaftar, selain tidak bercanggah dengan Akta 698 boleh diberikan kepada haiwan ternakan.

Katanya, pengusaha ladang ternakan atau mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan mengikut akta berkenaan dan disabitkan bersalah boleh dikenakan tindakan penjara serta denda.

"Suntikan hormon sebagai penggalak tumbesaran memang tidak dibenarkan sama sekali di Malaysia kerana pendekatan singkat seperti ini berupaya memberi kesan negatif kepada manusia.

"Oleh itu, ia dilarang, namun ada sesetengah ubat seperti antibiotik yang mendapat kebenaran untuk digunakan dalam penternakan haiwan bagi tujuan pengkomersialan.

"Penggunaan setiap antibiotik ini bagaimanapun harus mendapat preskripsi daripada doktor veterinar, sebelum diberikan kepada haiwan ternakan.

"Menerusi pemantauan dan kajian terhadap kesan sampingan, ada sesetengah antibiotik yang JPV kuat kuasakan larangan penggunaan, seperti colistin dalam industri penternakan ayam sejak 2019 lalu," katanya ketika dihubungi BH, hari ini.

Semakan terhadap Seksyen 19(2) Akta Makanan Haiwan 2009 memperuntukkan mana-mana individu yang disabitkan bersalah kerana memasukkan antibiotik, hormon atau

bahan kimia ke dalam haiwan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, mereka boleh didenda tidak melebihi RM200,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya.

BH semalam, mendedahkan lembu yang diselup dari negara jiran ke Malaysia, disuntik hormon penggalak bagi menyegerakan tumbesaran dan meningkatkan berat sehingga mencecah 10 kilogram dalam tempoh dua minggu, sebelum dijual kepada pelanggan.

Mempertingkatkan kesan sampingan terhadap manusia, Dr Norlizan berkata, penggunaan bahan kimia, sama ada hormon atau antibiotik bagi tujuan penggalak tumbesaran boleh mengandungi pelbagai impak negatif.

Mengambil contoh antibiotik, beliau berkata, tindakan memasukkan bahan kimia itu ke dalam haiwan ternakan berupaya menyebabkan manusia rintang kepada kesan ubat.

"Kalau kita gunakan tanpa preskripsi daripada doktor veterinar dan tanpa kawalan, kesannya akan diturunkan kepada manusia yang makan daging berkenaan.

"Kita jadi rintang kepada sesetengah antibiotik, justeru penggunaan secara sewenang-wenang memang tidak dibenarkan, khususnya membabitkan penggalak tumbesaran kerana ia bahaya.

"Malah, JPV kini pada peringkat untuk mengemukakan penguatkuasaan larangan membabitkan lima antibiotik lain, menjelang September ini, selepas dikenal pasti mempunyai kesan sampingan.

"Kita minta kerjasama awam, jika ada kes begini (penggunaan bahan kimia dalam haiwan ternakan), lapor kepada JPV untuk tindakan susulan dan penguatkuasaan," katanya.

Lembu seludup disuntik hormon

Cecair suntikan boleh sebab kanser

Orang ramai diminta elak ambil daging lembu seludup

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim, Luqman Ariff Abdul Karim dan Syaheerah Mustafa bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Orang ramai perlu berwaspada dan sebolehnya mengelak pengambilan daging daripada lembu seludup yang disuntik hormon pengemkuk.

Hormon atau steroid yang diberikan secara suntikan atau minuman kepada ternakan bagi mempercepatkan tumbesaran itu, boleh memberi kesan karsinogenik yang menyebabkan kanser kepada orang ramai.

Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof Dr Mohd

Azam Khan Goriman Khan, berkata ketika ini ada pandangan yang berbeza mengenai kesan penggunaan bahan terabit kepada daging ternakan.

"Walaupun ketika ini ada pandangan berbeza mengenainya kesannya pada daging, sama ada selamat dimakan atau tidak. Ada yang menjawab ia tidak berbahaya, namun lebih baik dielakkan.

"Tanpa pengawasan pihak berkuasa veterinar, pihak terabit tidak tahu jenis penggalak tumbesaran ternakan digunakan, sama ada vitamin, antibiotik, steroid atau hormon atau memabatkan campuran lain," katanya kepada BH.

Dr Mohd Azam berkata, sudah ada kajian serta penyelidikan berkaitan impak bahan terabit kepada tumbesaran lembu serta kesannya terhadap kesihatan manusia.

"Apa yang dikhawatirkan ialah berlaku pembentukan kerintangan antimikrobial (antimicro-

bial resistant) daripada penggunaan bahan terabit yang diberi tanpa kawalan dalam proses membelah ternakan.

"Penggunaan vitamin sahaja tidak boleh secara sendirinya mengemkuk lembu, apatah lagi dalam masa yang singkat. Ramai tidak tahu vitamin dan steroid adalah dua entiti berbeza dan cara untuk kita kenal pasti apa yang disuntik kepada lembu, hanyalah melalui pemeriksaan pihak berwajib.

"Mengemkuk lembu bergantung kepada makanan utama, iaitu foraj seperti rumput segar, rumput kering, silaj dan ada penternak menggunakan konsentrat seperti kelapa sawit," katanya.

Beliau berkata, vitamin dan mineral penting dan mempunyai banyak peranan dalam badan haiwan antaranya untuk fungsi sel, sistem imunisasi, sistem saraf, fungsi otot, tumbesaran dan pembiakan yang normal dan mantap.



Pengusaha lembu menyuntik hormon bagi tujuan mengemkuk ternakan dan elak penyakit.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

'Ada individu tawar khidmat'

Kota Bharu: Sebahagian pengusaha lembu tempatan di negeri ini, dikatakan mengguna khidmat suntikan hormon ditawarkan individu tertentu, bagi tujuan mengemkuk ternakan, selain mengelak penyakit.

Bagaimanapun, suntikan berkenaan hanya dibuat terhadap lembu yang sudah ditempah pelanggan, memandangkan setiap suntikan dikenakan kos sebanyak RM40.

Pengusaha lembu tempatan yang mahu dikenali sebagai Yoe, 42, mengaku menggunakan khidmat suntikan dianggap sebagai

vitamin, namun tidak mengetahui kandungan sebenarnya kerana pada kefahamannya itu untuk kesihatan lembu.

Dia mengakui, pada awalnya lembu dternak dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk diperiksa dan diberi suntikan, namun sejak beberapa tahun lalu dia menggunakan khidmat 'rakan' yang berpengalaman memberi suntikan kerana lebih cepat dan harga jauh lebih murah.

"Bagi pengusaha lembu seperti saya, apa yang disuntik hanyalah 'vitamin' semata-mata yang ma-

na baik untuk lembu tanpa mengetahui kandungan sebenar jika ia boleh membawa kesan buruk pada daging ternakan dan kita yang memakannya.

"Sebaik disuntik, lembu itu akan berselera makan dan berat badannya akan naik.

"Sebenarnya, jika hendak beli sendiri ubat hormon ini agak sukar kerana golongan yang menawarkan khidmat suntik ini mahu melakukan kerjanya sendiri, jadi ia boleh mendatangkan curiga jika mereka sebenarnya mencampurkan vitamin dengan bahan lain," katanya.

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 2 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	Berita Harian	Catatan:
Ruangan	Nasional	
M/Surat	21	
Perkara	Usahawan	

Promosi sate, rendang arnab menu Aidiladha

Usaha
penternak
tingkat pasaran
daging

Oleh Ramli Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Gua Musang: Sate dan rendang arnab dipromosikan sebagai menu pada Aidiladha kali ini, dalam usaha penternak haiwan itu untuk meningkatkan pasaran daging berkenaan.

Inisiatif itu dilakukan penternak di Kampung Kuala Lah, dekat sini, Ahmad Kamizi Jalil, 52, yang mengaku pasaran daging arnab terjejas susulan wabak COVID-19, selain masyarakat belum biasa memakannya.

"Ini kali pertama saya mempromosikan daging arnab sebagai hidangan sate dan rendang pada Aidiladha.

"Melalui usaha ini, pengunjung boleh merasai sendiri perbezaan daging arnab dengan lembu.

"Selepas merasainya, rata-rata mereka menyatakan ia sedap, malah ada yang mula membeli untuk membakar sendiri sate arnab di rumah," katanya ketika ditemui, semalam.

Ahmad Kamizi berkata, ternakan arnab diusahakannya kini meningkat kepada lebih 400 ekor meliputi baka dari New Zealand yang lebih cepat membiak dan membesar berbanding baka tempatan.

"Saya mula menternak arnab baka New Zealand pada pertengahan tahun lalu membabitkan 20 ekor jantan dan empat betina.

"Keseluruhan modal dikeluarkan setakat ini ialah RM12,000, termasuk bagi menyediakan bangsal dan mendapatkan baka arnab," katanya.

Namun, beliau tidak menafikan agak rumit menjaga arnab baka New Zealand itu, termasuk dari segi penyediaan makanan dan kebersihan bangsal serta reban.

"Perkara paling penting ketika melakukan pembiakan ialah arnab jantan dan betina tidak boleh diletakkan bersama. Pada hari tertentu sahaja boleh berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata, penjual sate di kebanyakan tempat sekitar daerah ini dan bandar lain di Kelantan turut memperkenalkan sate arnab.

Selain itu, katanya, daging arnab banyak dijual di Kuala Lumpur pada harga RM35 sekilogram, tetapi pasaran terjejas dalam tempoh empat bulan ini akibat pandemik COVID-19.



Ahmad Kamizi menternak arnab baka New Zealand pada pertengahan tahun lalu

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 2 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	Metro Ahad	Catatan:
Ruangan	Xpresi	
M/Surat	36-37	
Perkara	Usahawan	



DAGING BOLEH CECAH RM25 SEKILOGRAM

Nasrullah usahakan ternakan ayam kampung daripada baka asli dihasilkan UPM

AGRO

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediaprima.com.my

Tatkala mencari-cari usahawan ternakan ayam kampung, seorang rakan mencadangkan penulis supaya menemui buai lelaki berusia 29 tahun ini yang bukan saja bijak mencari peluang perniagaan malah mempunyai ijazah Sarjana Muda Pertanian (Sains Haiwan) dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Melihat kepada bidang penternakan mampu menjadi kerjaya serasi buat dirinya, pemilik nama Nasrullah Mujaddidi Md Zaini sememangnya mempunyai cita-cita sejak kecil untuk berkecimpung di dalam bidang berkenaan kerana ayahnya juga terlibat dalam bidang sama.

Nasrullah Mujaddidi berkata, memulakan ternakan pada 2018 di Yan, Kedah bermodalkan RM250,000 hasil pulangan modal perniagaan ternakan kambing miliknya.

Jelasnya, ternakan ayam kampung diusahakan adalah baka ayam kampung asli dihasilkan UPM, Ayam Kampung Akar Putra yang

sudah pun dipatenkan jenamanya hasil kajian Profesor Madya Dr Azhar Kasim yang juga pensyarahnya.

"Saya menemui Dr Azhar dan memaklumkan hasrat untuk menjadikan Ayam Kampung Akar Putra ini sebagai produk komersial dan beliau juga bersetuju untuk saya menjenamakan produk ayam kampung hasil kajian beliau sebagai Ayam Jerai sempena lokasi saya menjalankan operasi pembiak baka ayam berkenaan di kaki Gunung Jerai.

"Bagaimanapun, dari segi nama baka ayam perlu dikekalkan kerana ia sudah dipatenkan.

"Kedengaran agak besar mengenai modal yang dikeluarkan untuk menternak ayam kampung ini kerana saya perlu memastikan kualiti hasil ternakan dalam keadaan baik daripada proses bertelur sehingga dijadikan ayam kampung siap proses," katanya.


NASRULLAH bersama ayam peliharaannya.




Tempoh ayam kampung ini bertelur pula adalah selama 22 bulan. Purata bilangan telur yang dihasilkan sepanjang tempoh ayam ini 'berkhidmat' adalah 280 biji

NASRULLAH


MEMERIKSA anak ayam di reban asuhan.



NASRULLAH mempunyai perniagaan dalam penternakan pada usia belum 30 tahun.



AYAM kampung ternakan yang mampu menghasilkan maksimum 1,800 telur seminggu.



KAKITANGAN Nasrullah memeriksa keadaan anak ayam bagi memastikan dalam keadaan sihat.

Katanya, modal itu digunakan untuk membangunkan dua unit reban ayam bersaiz 3,360 kaki persegi.

"Malah ia turut dilengkapi seunit bilik penetasan yang mampu menempatkan lima unit mesin inkubator berkapasiti 3,500 biji telur ayam, satu unit reban asuhan untuk anak ayam yang baru menetas (dipanggil brooder) dan seunit stor yang menempatkan ruang simpanan bahan makanan serta mesin bancuhan makanan ayam.

"Pada permulaan saya memiliki 200 ayam pembaka yang kini berkembang dan dikedalkan pada kapasiti 450 ekor ayam pembaka untuk dijual sama ada dijadikan

daging diproses mahupun mendapatkan telur ayam kampung mempunyai permintaan tinggi di pasaran," katanya.

Nasrullah Mujaddidi berkata, daripada mula menetas, ayam kampung diusahakan bertelur seawal usia 15 minggu, tetapi umur terbaik untuk ternakan itu menghasilkan telur yang berkualiti bagi penetasan antara usia 17 hingga 18 minggu.

"Tempoh ayam kampung ini bertelur pula adalah selama 22 bulan. Purata bilangan telur yang dihasilkan sepanjang tempoh ayam ini 'berkhidmat' adalah 280 biji.

"Secara purata seekor ayam kampung betina ini menghasilkan tiga biji telur seminggu. Unikunya, baka

Ayam Kampung Akar Putra ini jenis tahan lasak iaitu mempunyai daya tahan dan rintang penyakit yang baik kerana jumlah kematian (mortality) anak ayam amat rendah memudahkan kami mendapatkan hasil ternakan untuk dipasarkan," katanya.

Katanya, dengan adanya 450 ekor induk ayam kampung itu, haiwan ternakan berkenaan boleh hasilkan semaksimum 1,800 biji telur ayam seminggu.

"Prestasi penetasan pula pada kadar 85 hingga 90 peratus bergantung kepada tetapan dan olahan pada mesin inkubator," katanya.

Ditanya mengenai cabaran mengusahakan ternakan itu, katanya, cabaran utama adalah pemakanan haiwan. Faktanya adalah dalam

operasi produksi haiwan ternakan, 70 peratus daripada kos operasi adalah kos pemakanan haiwan.

"Cabaran seterusnya adalah untuk terus menjadi kreatif bagi mengolah makanan ternakan ayam kampung ini yang perlu dibela dalam tempoh masa lama tidak seperti ayam pedaging atau ayam pedaging berwarna yang boleh dituai dalam tempoh masa singkat.

"Dalam tempoh menternak yang lama itu juga perlu dipastikan ayam memperoleh makanan yang mengandungi nutrien cukup, supaya tumbesaran dan prestasi tidak terjejas," katanya.

Katanya, antara lain cabaran dalam menternak ayam kampung asli ini adalah memberi kefahaman dan berkongsi ilmu dengan pengguna.

"Ini kerana terdapat kekeliruan dalam kalangan pengguna di pasaran mengenai ayam pedaging, ayam pedaging berwarna dan ayam kampung asli yang sebenarnya setiap jenis ayam itu mempunyai kualiti berbeza.

"Tiga jenis ayam di pasaran ini juga sudah tentu berbeza harganya sesuai perbezaan kualitinya dan umum mengetahui ayam kampung mempunyai kualiti dari segi tekstur dan rasa daging yang lebih baik untuk kesihatan. Disebabkan itu harga jualan dagingnya di pasaran boleh mencecah sehingga RM25 sekilo dan bagi sebiji telur dijual maksimum RM1.20," katanya.

Ditanya adakah ayam kampung diproses miliknya dalam kategori organik, Nasrullah Mujaddidi berkata, dia tidak mahu mentakrif ayam ternakannya sebagai produk organik kerana ia memerlukan pensijilan dan pengiktirafan daripada badan yang terbabit seperti Sijil Organik Malaysia (SOM).

"Kami tidak akan mentakrif produk kami organik selagi ia belum diiktiraf. Permohonan akreditasi SOM adalah pelan kami pada masa hadapan.

"Bagaimanapun, dari segi pemakanan, ternakan Ayam Jera menggunakan campuran 50 peratus hidangan dedak dihasilkan sendiri yang dikenali sebagai Bokashi (terdiri daripada hasil peramanan produk sampingan pertanian, hampas soya dan padi beras hancur), 40 peratus dedak komersial, dan 10 peratus tumbuhan hijau," katanya mengakhiri perbualan.